

# **BAB DUA**

## BAB DUA

### KATA ADJEKTIF DALAM BAHASA MELAYU

#### 2.0 Pendahuluan

Dalam bab kedua ini, penulis akan membentangkan definisi , penjenisan dan pembentukan KA dalam BM. Di samping itu juga contoh-contoh penggunaan KA dalam BM turut diperbincangkan.

#### 2.1 Definisi Adjektif BM

Kata adjektif ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Unsur inti ini boleh terdiri daripada satu atau lebih daripada satu kata adjektif. Perkataan -perkataan lain yang hadir dalam frasa adjektif adalah berupa kata bantu atau kata penguat yang berfungsi sebagai keterangan.

Kata adjektif berbeza daripada kata nama dan kata kerja kerana ia boleh disertakan dengan kata penguat, contohnya *nakal sungguh, amat baik, sangat laju* dan *terlalu pantas*. Lazimnya, kata adjektif berfungsi sebagai penerang kepada sesuatu kata nama atau frasa nama.

Contohnya :

1. Rumah itu *besar*
2. Tindakannya itu *bagus sekali*.
3. Guru itu *terlalu sibuk*.

4. Permikirannya masih *mentah* lagi.
5. Harga kasut itu terlalu *mahal*.

Perkataan-perkatan *besar, bagus, sibuk, mentah* dan *mahal* merupakan unsur inti dalam ayat-ayat di atas. Kata adjektif itu disertai unsur-unsur keterangan, iaitu *sekali, terlalu, masih, lagi* dan *sangat* yang berfungsi menerangkan keadaan atau sifat kata nama atau frasa nama yang menjadi subjek ayat-ayat di atas. ( Siti Hajar Hj. Abd.Aziz :1996:103)

## 2.2 Jenis-jenis Kata Adjektif

Penggolongan kata adjektif tidak dapat ditentu dengan jelas tetapi berdasarkan aspek maknanya, kata adjektif dapat dibahagikan kepada sembilan jenis, iaitu :

- a. kata adjektif sifatan
- b. kata adjektif perasaan
- c. kata adjektif cara
- d. kata adjektif ukuran
- e. kata adjektif bentuk
- f. kata adjektif waktu
- g. kata adjektif warna
- h. kata adjektif jarak
- i. kata adjektif pancaindera

## **2.2.1 Kata Adjektif Sifatan**

Kata adjektif sifatan ialah perkataan yang digunakan bagi menerangkan sifat atau keadaan sebagai unsur keterangan kepada kata nama. Contohnya :

Contoh perkataan :

Kuat	pintar	nakal
Keras	lemah	sihat
Bijak	cergas	jahat

Contoh Ayat :

1. Budak *nakal* selalu kena marah.
2. Dia *lemah* dalam Matematik.
3. Kubu pertahanan pemberontak itu amat *kuat*.

## **2.2.2 Kata Adjektif Perasaan**

Kata adjektif perasaan ialah perkataan yang digunakan sebagai unsur keterangan kepada kata nama yang memberi pengertian atau konsep perasaan. Kata adjektif jenis ini perlu diikuti oleh kata sendi nama. Contohnya :

Contoh perasaan

Kasih	takut	malu
Sayang	hendak	geram
Cinta	rindu	marah

Contoh ayat :

1. Dia masih *marah* kepada saya.
2. Nenek itu terlalu *kasih* akan cucunya.
3. Mereka amat *rindu* akan kampung halaman.
4. Kanak-kanak itu *takut* akan kucing.
5. Gadis itu *hendak sangat* menemui neneknya.
6. Pemuda itu masih *malu* untuk bersuara.

### 2.2.3 Kata Adjektif Cara

Kata adjektif cara sebagai unsur keterangan kepada kata nama ialah perkatan yang memberi pengertian **keadaan, kelakuan atau ragam**. Contohnya :

Contoh perkataan

Pantas	deras	ligat
Lambat	gopoh	perlahan
Laju	cermat	cepat

Contoh ayat :

1. Kereta itu dipandu dengan *laju*.
2. Siapa *cepat* dia dapat.
3. Gasing itu berpusing *ligat*.
4. Arus sungai itu sangat *deras*.
5. Dia *cermat* apabila berbelanja.

## 2.2.4 Kata Adjektif Ukuran

Kata adjektif ukuran sebagai unsur keterangan kepada kata nama ialah perkataan yang memberi pengertian ukuran. Contohnya :

Contoh perkataan:

Tebal	gemuk	panjang
Nipis	kurus	pendek
Tinggi	rendah	kecil

Contoh ayat :

1. Buku *tebal* itu sudah saya baca.
2. Anaknya masih *kecil* lagi.
3. Badannya semakin *kurus*.
4. Kertas *nipis* itu tidak boleh digunakan.
5. Pokok itu semakin hari semakin *tinggi*.

## 2.2.5 Kata Adjektif Bentuk

Kata adjektif bentuk sebagai unsur keterangan kepada kata nama ialah perkataan yang memberi pengertian rupa bentuk. Contohnya :

Contoh perkataan

Lurus	bulat	panjang
Bengkok	leper	bundar
Lonjong	buncit	tajam

Contoh ayat :

1. Jalan *lurus* mudah dilalui.
2. Bentuk buah kelapa itu *lonjong*.
3. Mukanya *bujur* sirih.
4. Pinggan *leper* itu untuk pinggan makan.
5. Matanya *tajam* memandang kehadapan.

## 2.2.6 Kata Adjektif Waktu

Kata adjektif waktu sebagai unsur keterangan kepada kata nama ialah perkataan yang memberi pengertian **konsep masa**. Contohnya :

Contoh perkataan

Kerap	awal	sering
Jarang	lewat	silam
Baharu	dahulu	lampau

Contoh ayat :

1. Kedatangannya *lewat* hari ini.
2. Dia berada di sekolah sehari *suntuk*
3. Kenangan *silam* sukar dilupakan.
4. Nenek masih menyimpan barang-barang *lama*.
5. Cikgu menasihati kami supaya datang *awal*.

### 2.2.7 Kata Adjektif Warna

Kata adjektif warna sebagai unsur keterangan kepada kata nama ialah perkataan yang memberi pengertian **warna**. Contohnya :

Contoh perkataan :

Perang	hitam
Biru	kelabu

Contoh ayat :

1. Adik suka pakai baju *hijau*.
  2. Pakaian pelajar sekolah berwarna *putih*.
  3. Warna kesukaan saya warna *ungu*.
  4. Kereta *merah* kepunyaan abang.
  5. Dia memiliki mata berwarna *coklat*.

### 2.2.8 Kata Adjektif Jarak

Kata adjektif jarak sebagai unsur keterangan kepada kata nama ialah perkataan yang memberi pengertian konsep ruang. Contohnya :

Contoh perkataan :

Nyaris	dekat
Hampir	jauh

**Contoh ayat :**

1. Rumahnya tidak *jauh* dari sekolah.
2. Sekolah itu *dekat* dengan lebuh raya.
3. Dia berdiri *hampir* dengan kereta saya.
4. Mereka *nyaris* maut dalam kemalangan tersebut.

### **2.2.9 Kata Adjektif Pancaindera**

Kata adjektif pancaindera sebagai unsur keterangan kepada kata nama ialah perkataan yang memberi pengertian konsep **sentuh, dengar, pandang, bau dan rasa**. Contohnya:

- a) Indera sentuh

Contoh perkataan

Lembik	kasar	licin
Halus	kesat	keras

Contoh ayat :

1. Lantai itu *licin* kerana baru dicuci
2. Kulit mukanya sangat *halus*.
3. Kain yang *kesat* itu ialah kain lap
4. Buku itu berkulit *keras*.
5. Dawai *kasar* itu untuk dibuat ampaian.

- b) Indera dengar

Contoh perkataan :

Nyaring	lembut	mersik
Merdu	garau	serak

Contoh ayat :

1. Suaranya *merdu* bagai buluh perindu.
2. Teriakannya *nyaring* sungguh.
3. Kebanyakan lelaki bersuara *garau*.
4. Saya suka mendengar suaranya yang *lembut*.
5. Alunan muzik itu *mersik* sekali.

#### c) Indera pandang

Contoh perkataan :

Comel	hodoh	molek
Cantik	buruk	segak

Contoh ayat :

1. Pemuda *segak* itu guru saya.
2. Kakaknya suka berpakaian *cantik*.
3. Rumah *buruk* itu tidak berpenghuni.
4. Dia ingin mengahwini pemuda *tampan*.
5. Pakaian pengantin itu *molek* sungguh.

#### d) Indera bau

Contoh perkataan :

Wangi	hanyir	haru
-------	--------	------

Busuk hancing tengik

Contoh ayat :

1. Bunga ros itu *harum* baunya.
  2. Bangkai ikan itu menyebabkan bau *hanyir*.
  3. Nasi *tengik* itu tidak boleh dimakan.
  4. Setiap hari dia memakai minyak *wangi*.
  5. Bau *busuk* datangnya daripada lori najis.

e) Indera rasa

Contoh perkataan :

Manis	kelat	masam
Masin	payau	lazat

### Contoh ayat :

1. Setiap hari kita minum air *tawar*.
  2. Semua orang suka makanan *lazat*.

e) Indera rasa

Contoh perkataan :

Manis	kelat	masam
Masin	payau	lazat

**Contoh ayat :**

1. Setiap hari kita minum air tawar.

2. Semua orang suka makanan *lazat*.
3. Buah limau *masam* rasanya.
- 4.. Kuih tradisional itu terlalu *manis*.

## 2.3 Pembentukan Kata Adjektif

Terdapat empat cara pembentukan kata adjektif dalam BM:

- i. kata adjektif tunggal
- ii. kata adjektif terbitan
- iii. kata adjektif majmuk
- iv. kata adjektif ganda.
- v. kata adjektif perbandingan
- vi. kata adjektif unsur keterangan.

### 2.3.1 Kata Adjektif Tunggal

Kata adjektif tunggal ialah kata adjektif yang terbentuk tanpa mengalami proses imbuhan. Lazimnya kata adjektif tunggal digunakan dalam ayat sebagai penerang kata nama atau frasa nama, di samping menerima sama ada kata bantu dan kata penguat atau tanpa unsur-unsur tersebut.

Contohnya :

- a. Bayi *comel* itu anak saudara saya.
- b. Pakaian yang dipakainya itu *cantik* sungguh.

- c. Orang-orang Asia bertubuh *kecil*.
- d. Nenek tidak suka air *manis*.

### 2.3.2 Kata Adjektif Terbitan

Kata adjektif terbitan ialah perkataan yang terbentuk hasil daripada proses pengimbuhan sama ada secara awalan, apitan, akhiran dan sisipan kata adjektif.

Contohnya :

- a. Pokok yang *tertinggi* itu ialah pokok kelapa.
- b. Cintanya *sedalam* lautan dalam.
- c. Semangat *kemelayuan* Hang Tuah amat ketara.
- d. Fesyen pakaian Habibah agak *kearahan*.

### 2.3.3 Kata Adjektif Majmuk

Kata adjektif majmuk adalah perkataan yang terdiri daripada rangkaian dua atau lebih kata dasar yang akan membawa makna tertentu. Kata adjektif dalam bahasa Melayu dieja terpisah tetapi bertindak sebagai satu unit.

Contohnya :

- a. Saya suka melihat kulitnya yang *kuning langsat*.
- b. Cadar berwarna *biru laut* itu sudah dibeli.
- c. Dia anak kesayangan kerana dia *ringan tulang*.
- d. Orang yang *baik budi* selalu dihormati.

### 3.4 Kata Adjektif Ganda.

Ita adjektif ganda boleh juga mengalami proses penggandaan, iaitu proses mengulang kata dasar sama ada diulang seluruhnya atau sebahagian sahaja.

Contohnya :

- a. Anak Pak Mat *bijak-bijak* belaka.
- b. Orang Eropah *tinggi-tinggi*.
- c. Dia *kemalu-maluan* apabila disapa.
- d. Mukanya *kemerah-merahan* apabila ketawa.
- e. Sambutan Maulid Nabi disambut secara *besar-besaran*.
- f. Perkahwinannya diadakan secara *kecil-kecilan*.
- g. Jalan yang *bengkang-bengkok* itu memeningkan kepala saya.
- h. Negara itu *kacau bilau* akibat serangan pengganas.

### 2.3.5 Kata Adjektif Perbandingan

Kata adjektif bentuk perbandingan terdapat dalam tiga darjah, iaitu :

- i. darjah biasa
- ii. darjah bandingan
- iii. darjah penghabisan

Contohnya :

- a. Rumahnya *jauh* dari sini.
- b. Dia memakai baju *baru*.
- c. Dia melukis *sebaik* pelukis terkenal.

A511934240

### **2.3.4 Kata Adjektif Ganda.**

Kata adjektif ganda boleh juga mengalami proses penggandaan, iaitu proses mengulang kata dasar sama ada diulang seluruhnya atau sebahagian sahaja.

Contohnya :

- a. Anak Pak Mat *bijak-bijak* belaka.
- b. Orang Eropah *tinggi-tinggi*.
- c. Dia *kemalu-maluan* apabila disapa.
- d. Mukanya *kemerah-merahan* apabila ketawa.
- e. Sambutan Maulid Nabi disambut secara *besar-besaran*.
- f. Perkahwinannya diadakan secara *kecil-kecilan*.
- g. Jalan yang *bengkang-bengkok* itu memeningkan kepala saya.
- h. Negara itu *kacau bilau* akibat serangan pengganas.

### **2.3.5 Kata Adjektif Perbandingan**

Kata adjektif bentuk perbandingan terdapat dalam tiga darjah, iaitu :

- i. darjah biasa
- ii. darjah bandingan
- iii. darjah penghabisan

Contohnya :

- a. Rumahnya *jauh* dari sini.
- b. Dia memakai baju *baru*.
- c. Dia melukis *sebaik* pelukis terkenal.

- d. Parasnya *sama cantik* dengan ibunya.
- e. Beg saya *lebih besar* dari begnya.
- f. Kasut itu *kurang mahal* daripada kasut ini.
- g. *Sebijak-bijak* Sang kancil, akhirnya tertipu jua.
- h. Sungai Pahang adalah sungai *yang terpanjang* di Malaysia.
- i. Watson Nyambek adalah pelari Malaysia yang *paling pantas* ketika ini.

### **2.3.6 Kata Adjektif Dan Unsur Keterangan**

Sebagai unsur penerang kepada kata nama atau frasa nama, kata adjektif juga dapat dibentuk dalam satu rangkaian frasa adjektif dengan unsur-unsur keterangan seperti berikut :

- i. Kata bantu + kata adjektif

masih tebal

Contoh : Walaupun matahari sudah tinggi tetapi kabus *masih tebal*.

- ii. Kata penguat + kata adjektif

sangat sedap

Contoh : Laksa Pulau Pinang *sangat sedap*.

- iii. Kata bantu + kata adjektif + kata penguat

sudah dekat betul

Contoh : Hari peperiksaan akhir *sudah dekat betul*.

iv. Kata bantu + kata penguat + kata adjektif

masih terlalu awal

Contoh :

*Masih terlalu awal* untuk menjangka kemenangan pasukan Perak menentang pasukan Terengganu dalam perlawanan malam ini.

v. Kata penguat + kata adjektif + keterangan

sungguh deras kerana hujan lebat

Contoh :

Air sungai mengalir *sungguh deras* kerana hujan lebat semalam

## 2.4 Penutup

Setelah melihat penjenisan dan pembentukan KA dalam BM. Dapatlah dirumuskan bahawa KA dalam BM merupakan satu unit tersendiri yang terpisah dari unit kata nama. Pembentukan KA dalam BM boleh dilakukan samada dengan cara terbitan atau penambahan kata penguat,kata bantu dan unsur keterangan seperti yang telah dibentangkan. KA dalam BM berfungsi sebagai penerangan kepada frasa adjektif atau frasa nama yang lain.